

10 kepala babi dalam sungai

Dibuang sejak 2012, pihak bertanggungjawab masih belum dapat dikesan

NOR AINNA HAMZAH

REMBAU – Bukan satu, tapi 10 kepala babi dijumpai dibuang di dalam sungai di Kampung Legong Jaya, dekat sini, semalam.

Kepala babi tersebut ditemui semasa dua agensi kerajaan iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Pengaliran dan Saliran melakukan tinjauan di kampung tersebut.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi sungai di kawasan tanah kebun persendirian itu mendapati, kepala babi tersebut ada yang masih di dalam guni dan ada yang terkeluar serta dihurung lalat.

Difahamkan, ia bukan kali pertama selonggok kepala babi ditemui di sungai itu. Ia mula dikesan berlaku pada penghujung 2012.

Malangnya sehingga kini, individu tidak bertanggungjawab

itu masih gagal dicekup pihak berkuasa.

Menurut seorang penduduk, Fauziah Md Jani, 53, dia kecewa dengan tindakan individu tersebut kerana air sungai berkenaan turut digunakan penduduk untuk menyiram kebun mereka.

“Penduduk kampung bercucuk tanam. Air dari sungai inilah yang kami gunakan untuk menyiram. Geli dan rasa nak muntah.

“Anak-anak kampung juga mandi manda di sungai ini. Rupanya mandi air kepala babi. Bimbang juga jika punca air ini mengalir ke loji rawatan air dan digunakan semula oleh penduduk,” katanya.

Menurut Fauziah, walaupun air sungai itu mengalir dan jika di loji, airnya sudah dirawat tetapi apabila ada perasaan waswas, meminum dan menggunakan air

itu untuk apa juga tujuan, hukumnya dalam Islam mungkin boleh dipertikaikan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kota Pekan, Jahaya Awang berharap agensi berkaitan terutama Jabatan Alam Sekitar (JAS) turun padang meninjau masalah berkenaan.

“Masalah ini berlaku di tiga lokasi di sekitar kawasan perkampungan ini. Kita harap pihak berkenaan segera tangani masalah ini.

“Jarak antara tempat yang selalu longgokan kepala babi ini ditemui tidak jauh, hanya 200 meter antara satu sama lain. Kali ini kita hanya nampak 10 kepala babi sahaja tetapi jika dihitung sejak penghujung 2012, kita tidak pasti sudah berapa banyak kepala babi dibuang di sini,” katanya.



Kepala babi dalam guni yang dikerumuni lalat.